



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## FESTIVAL CATUR PUTRAJAYA 2017 PECAH REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR)

**PUTRAJAYA, 11 Februari 2017** - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) hari ini menganjurkan Festival Catur Putrajaya 2017 yang disertai lebih 1200 orang peserta berumur di bawah 15 tahun sekaligus berjaya memecahkan rekod *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi Pertandingan Catur dengan Penyertaan Kanak-kanak Teramai di Malaysia.

Festival Catur Putrajaya 2017 terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah kerajaan dan sekolah bertaraf antarabangsa dari seluruh Malaysia serta penggiat-penggiat catur hebat dari negara-negara jiran yang bertaraf International Master (IM) & Federation Master (FM). Festival juga turut disertai lima (5) orang pelajar OKU cacat penglihatan yang menggunakan papan catur Braille bagi pertandingan ini. Sebanyak 5 kategori yang dipertandingan iaitu kategori **Terbuka, Bawah 18 Tahun, Bawah 15 Tahun, Bawah 12 Tahun dan Bawah 9 Tahun**.

Ini merupakan pertama kali festival catur diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 yang bertujuan untuk membentuk generasi pelajar yang memiliki keyakinan diri yang tinggi, berketerampilan, berdaya saing, kreatif serta inovatif dalam menyelesaikan masalah. Malah penganjuran program ini juga telah mendapat sokongan serta kerjasama dari Perbadanan Putrajaya, Ab Chess Resources,

Persekutuan Catur Malaysia (MCF), Badan Amal Kasih Ibu, Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB) dan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1).

Di samping itu, sempena penganjuran festival ini satu sistem aplikasi baharu, *i-SwissResult* turut diperkenalkan bagi mengatasi masalah pengurusan masa dalam pertandingan catur. Aplikasi ini diterajui oleh Puan Sedy Yanty binti Syaman. Ini merupakan aplikasi yang pertama yang mampu memberi impak positif terhadap penganjuran sesebuah pertandingan catur khususnya dalam aspek pengurusan masa yang lebih efektif dan efisien.

Program Gen Y Kreatif turut diadakan bersekali pada hari ini dengan kerjasama daripada 1Malaysia For Youth (IM4U). Antara aktiviti menarik yang dilaksanakan adalah pertandingan mural, bazar lokal, sembang warung kopitiam, *pocket talk* kesukarelaan dan pembangunan usahawan oleh penceramah-penceramah tersohor dalam bidang masing-masing. Majlis turut dihadiri YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan yang menyampaikan hadiah kepada para pemenang di Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Diharapkan melalui penganjuran program yang menggabungkan pelbagai lapisan masyarakat ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, kerjasama serta perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya generasi muda negara selaras dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu "***Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera***".

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

11 Februari 2017